

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KETIGA DEWAN RAKYAT, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD
YUSOFF [RANTAU PANJANG]**

SOALAN

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan senarai keanggotaan ahli Pasukan Projek Khas Rang Undang-Undang (RUU) Kesaksamaan Gender, faktor pemilihan ahli-ahli pasukan tersebut, perancangan serta kerja-kerja yang telah dilakukan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian telah menubuhkan satu pasukan projek khas bagi menggubal rang undang-undang berkenaan kesaksamaan gender bagi menghapuskan diskriminasi terhadap wanita yang terdiri daripada wakil Kerajaan seperti Kementerian Luar Negeri dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, ahli akademik dan juga Badan Bukan Kerajaan (NGO) seperti Perikatan Wanita Antarabangsa Institusi Keluarga dan Pendidikan Berkualiti (WAFIQ). Ahli-ahli yang dipilih untuk menyertai pasukan projek khas ini terdiri dalam kalangan individu-individu yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran berkenaan isu kesaksamaan gender dan diskriminasi terhadap wanita.

Proses penggubalan ini selaras dengan Perkara 8 di bawah Perlembagaan Persekutuan dan prinsip tiada diskriminasi berasaskan gender seperti yang termaktub dalam Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) dan juga Dasar Wanita Negara. Sebanyak 16 sesi konsultasi telah diadakan pada tahun ini melibatkan pasukan projek khas dan juga pihak berkepentingan yang lain termasuk Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM). Penggubalan rang undang-undang ini akan mengambil kira aspek agama, sosial, kaum serta nilai dalam masyarakat memandangkan Malaysia merupakan sebuah negara yang berbilang kaum dan agama. Oleh itu, Kementerian turut akan mengadakan sesi jerayawara dengan pihak-pihak berkepentingan termasuk orang awam bertujuan untuk menerangkan draf rang undang-undang yang digubal sebelum dipertimbangkan untuk dibentangkan di Parlimen.